



PROJEK : MEMBINA BARU PASAR JASIN, MELAKA.

NO. TENDER : X4352010124001

1. **PEMBELIAN DOKUMEN TENDER**

- i. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/ sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh PKK berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA dan UPKJ , wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera.
- ii. Wakil kontraktor yang sah juga diwajibkan membawa **borang pengesahan kehadiran taklimat dan lawatan tapak** yang telah ditandatangani oleh pegawai dari Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT (**akan diberi selepas lawatan tapak**). Sila bawa cop syarikat beralamat penuh untuk memudahkan urusan pembelian dokumen.
- iii. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk wang kiriman atau deraf bank atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-KPKT-T**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara **tunai atau cek tidak akan diterima**.
- iv. **Dokumen Meja Tender** boleh disemak dan **Dokumen Tender** boleh diperolehi di **Seksyen Kewangan dan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Aras 29, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya** mulai **26 Mac 2024 (Selasa)** sehingga **2 April 2024 (Selasa)** semasa waktu pejabat seperti berikut :

LOKASI PEJABAT	WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER (ISNIN HINGGA KHAMIS)	WAKTU REHAT/SOLAT JUMAAT
SEMENANJUNG	9.00 PAGI - 1.00 PETANG 2.00 PETANG - 4.00 PETANG	12.15 TENGAH HARI - 2.45 PETANG

2. **PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER**

- i. Dokumen tender yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Perunding Kejuruteraan Kesihatan Umum, Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Aras 26, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100, Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 16 April 2024 (Selasa)**.
- ii. Jika dokumen tender dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dihantar melalui pos. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
- iii. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari portal rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan di alamat [www.jkt.kpkt.gov.my](http://www.jkt.kpkt.gov.my) dan laman web rasmi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan di alamat [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my) serta web myprocurement di alamat [www.myprocurement.treasury.gov.my](http://www.myprocurement.treasury.gov.my). Jika terdapat sebarang pertanyaan boleh diajukan ke alamat emel [bebesabrina@kpkt.gov.my](mailto:bebesabrina@kpkt.gov.my).

  
**MOHAMED YAZID BIN KUMAN**  
Pegawai  
Bahagian Perunding Kejuruteraan Kesihatan Umum  
Jabatan Kerajaan Tempatan  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan